

Naik taraf sungai mulai Jun

KUALA LUMPUR: Kerja menaik taraf Sungai Klang dan Sungai Gombak di bawah projek Sungai Nadi Kehidupan (River of Life) akan mula dilaksanakan Jun ini dengan menjadikan Masjid Jamek sebagai lokasi permulaan, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail.

Menurutnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melantik Aecom Perunding Sdn Bhd bagi menguruskan pelan utama projek selain menjalankan kerja pengindahan koridor sungai membabitkan jarak 10.7 kilometer.

Beliau berkata, sebanyak RM1 bilion diperuntukkan untuk merealisasikan projek berkenaan dengan memberi fokus kepada beberapa lo-



AHMAD FUAD...bersih sungai 110 kilometer

kasi tumpuan sekitar ibu kota seperti Dataran Merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Masjid Jamek.

"Selain itu, sejumlah RM3 bilion juga digunakan untuk membersihkan Sungai Klang

sepanjang 110 kilometer membabitkan beberapa kawasan perbandaran iaitu Majlis Perbandaran Selangor, Majlis Perbandaran Ampang Jaya serta DBKL sendiri.

"Bagaimanapun, usaha ini tidak akan berjaya sekiranya orang ramai masih mengamalkan sikap tidak bertanggungjawab dengan terus membuang sampah ke dalam sungai," katanya pada majlis menandatangani perjanjian antara DBKL dan syarikat terbabit, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Aecom Asia, Dickson Lo.

Ahmad Fuad berkata, setiap hari DBKL memungut kira-kira 20 tan sampah dari perangkap sampah sungai

sekitar ibu kota.

"Berbanding sebelum ini, DBKL hanya perlu memungut sisa buangan di sungai lima kali seminggu namun disebabkan ia (sampah) semakin banyak, kerja pungutan terpaksa dilakukan lebih kerap.

"Disebabkan masalah ini, DBKL juga terpaksa menanggung peningkatan kos bagi memungut sampah yang perlu dibayar kepada kontraktor sebanyak RM32 per tan," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan DBKL bekerjasama dengan Sisa Pepejal dan Perbadanan Pengurusan Pembersihan Awam (PPSPPA) untuk mengambil tindakan lebih tegas ke atas orang ramai yang terus mencemarkan sungai.